

Amalan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Laporan Tahunan Syarikat di Malaysia

Mohd Noor Azli Ali Khan^{a*}, Shatira Mohd Zaini^a

^aJabatan Pengurusan, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: m-nazli@utm.my

Article history

Received :28 March 2012
Received in revised form :30 July 2012
Accepted :15 August 2012

Abstrak

Kajian ini dijalankan bertujuan meneliti penggunaan Bahasa Melayu dalam laporan tahunan menerusi laman web oleh syarikat tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia. Kajian dijalankan berpandukan *Financial Reporting Standards (FRS)* atau Piawaian Pelaporan Kewangan (PPK) 101 bagi Pembentangan Penyata Kewangan. Penelitian dibuat ke atas syarikat bagi tempoh sepuluh tahun bermula tahun 2001 sehingga 2010. Sebanyak 234 buah sampel syarikat daripada jumlah populasi syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia iaitu sebanyak 844 buah syarikat pada tahun 2010. Kesemua sampel perlu mempunyai data kewangan yang lengkap mulai tahun 2001 sehingga 2010 dan menggunakan Bahasa Melayu dalam laporan tahunan. Hasil kajian mendapat bahawa 1.62 hingga 4.19 peratus buah syarikat sahaja yang ada memuatkan laporan tahunan menggunakan Bahasa Melayu di dalam laman web korporat syarikat. Hasil kajian turut membuktikan bahawa tahap penggunaan Bahasa Melayu bagi melaporkan maklumat kewangan dan perniagaan syarikat adalah rendah dalam kalangan syarikat tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia. Kajian ini adalah penting sebagai kesinambungan daripada kajian lanjutan berkaitan pembentangan penyata kewangan dan penggunaan Bahasa Melayu sebagai medium penyampaian kepada pengguna maklumat perakaunan.

Kata kunci: Bahasa Melayu, Bursa Malaysia, laporan tahunan, piawaian pelaporan kewangan, syarikat tersenarai

Abstract

The purpose of this study is to examine the use of Malay language in annual reports through company website by listed companies on Main Market Bursa Malaysia. This study was conducted according to the Financial Reporting Standards (FRS) 101 for the Presentation of Financial Statements. The observation was made on the companies for the duration of 10 years, from 2001 to 2010. A total of 234 samples of the population of companies listed in Bursa Malaysia which is of 844 companies in 2010. All samples must have a complete financial data from year 2001 until 2010 and also use Malay language in the annual report. The study found that 4.19 percent (2001), 3.74 percent (2002), 3.43 percent (2003), 3.11 percent (2004), 2.84 percent (2005), 1.78 percent (2006), 1.62 percent (2007), 2.34 percent (2008), 2.13 percent (2009) and 1.90 percent (2010) companies have download an annual report using the Malay language in the company's corporate website. This study also revealed that the level of Malay language for reporting financial information and business is lower among companies listed in Main Market Bursa Malaysia. This study is important as a continuation of further studies related to presentation of financial statement and the use of Malay language as the medium of information delivery.

Keywords: Malay language, Bursa Malaysia, annual report, financial reporting standards, listed companies

© 2012 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

■1.0 PENGENALAN

Setiap syarikat sama ada sendirian berhad atau berhad di Malaysia yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 perlu mengeluarkan satu laporan tahunan yang menjelaskan tentang operasi syarikat bagi kepentingan pihak tertentu seperti pelabur, bakal pelabur, pemegang saham, pemberi pinjaman, pendidik, penganalisis kewangan, masyarakat dan pihak berkepentingan yang lain. Antara aspek yang perlu dititikberatkan dalam penyediaan laporan

tahunan ialah ianya mudah dibaca dan senang difahami oleh pihak yang memerlukannya. Ini disebabkan kerana di dalam konteks komunikasi, sesuatu perhubungan yang berkesan berlaku apabila mesej yang dihantar oleh pihak penghantar diterima oleh pihak penerima dan dapat ditafsir seperti yang diharapkan oleh pihak penghantar. Bermula pada tahun 2005, Malaysia telah menukar penggunaan *Malaysian Accounting Standards Board (MASB)* atau Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (LPPM) kepada sistem perakaunan baru iaitu Lembaga Piawaian

Perakaunan Antarabangsa (LPPA). Seterusnya, mulai 1 Januari 2012 semua syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia perlu menerima pakai *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) atau Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (PPKM) bagi tujuan pelaporan kewangan syarikat.

Kajian yang dijalankan mendapat lebih dari 7000 syarikat yang berdaftar di Eropah, Australia, Singapura dan Hong Kong melaporkan prestasi kewangan mereka di bawah *International Financial Reporting Standards* (IFRS) (Tan *et al.*, 2007). Perubahan ini turut membawa kepada peningkatan kebolehbandingan dan kerelevan bagi sesuatu maklumat yang dilaporkan pada penyata kewangan syarikat (Mohd Nasir & Abdullah, 2004). Objektif piawaian perakaunan diperkenalkan agar pelaporan penyata kewangan di Malaysia diterima secara global (Yen *et al.*, 2007). Berdasarkan pernyataan Thouquin *et al.* (2009), corak pembentangan penyata kewangan berbeza disebabkan oleh perbezaan dari segi piawaian perakaunan yang digunakan dalam laporan tahunan negara masing-masing. Oleh demikian, dalam memastikan wujudnya amalan terbaik dalam urusan tadbir korporat di Malaysia, LPPM telah memperkenalkan piawaian baru bagi penyediaan penyata kewangan, pada peringkat awal pengenalan tempoh diberi dalam masa empat tahun, sebelum semakan piawaian dibuat. LPPM telah menerbitkan piawaian perakaunan dalam Bahasa Melayu kepada syarikat awam dalam menyediakan laporan tahunan mereka. Namun, LPPM tidak mewajibkan syarikat ini untuk menerima pakai istilah yang telah dicadangkan. Anugerah *National Annual Corporate Awards* (NACRA) diadakan bagi meningkatkan kualiti pelaporan maklumat oleh syarikat awam mahupun swasta. Syarat bagi menyertai anugerah ini adalah syarikat wajib menyediakan laporan tahunan dalam Bahasa Melayu dan satu bahasa lain (Hashim & Jaffar, 2006). Sesuai laporan tahunan perlu dibentangkan dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami dan diterima oleh pengguna di Malaysia. Kebanyakan laporan tahunan syarikat di Malaysia menggunakan Bahasa Inggeris dalam pembentangan laporan tahunan mereka berbanding bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu (Asmah, 1993).

Berdasarkan kajian lepas, kebanyakan laporan tahunan seluruh dunia telah dapat menerima perubahan piawaian yang telah ditetapkan oleh IFRS. Bagi mencapai objektif IFRS, piawaian ini menetapkan pertimbangan keseluruhan pembentangan penyata kewangan seperti garis panduan, struktur dan keperluan minimum kandungan penyata kewangan (Botoson, 2004). Ini dapat meningkatkan kecekapan audit dan tidak mengganggu keberkesanan proses pengauditan (Booth & Schulz, 1995). Di dalam teori agensi, terdapat ikatan antara pemegang saham dan pihak pengurusan korporat. Ini dikenali sebagai kontrak pekerjaan yang bermaksud pihak pengurusan korporat perlulah melaporkan aktiviti syarikat secara tepat dan saksama (Scott, 1997). Salah satu medium untuk pihak syarikat berkomunikasi dengan pihak berkepentingan adalah laporan tahunan (Alexander, 1993). Oleh yang demikian, laporan tahunan perlu disediakan secara telus, tepat, lengkap dan mudah difahami (Epstein *et al.*, 2008). Kajian sebelum ini mendapat bahawa dua komponen dalam laporan tahunan atau laporan kewangan adalah istilah dan nombor (Aisbett & Nobes, 2001). Perakaunan menggunakan nombor telah menjadi satu tradisi bagi menyampaikan maklumat. Ini bermakna, nombor adalah lebih penting daripada istilah kerana nombor boleh menggambarkan maksud yang hendak dinyatakan (Barth, 2008). Pihak pengurusan perlu menyediakan penyata kewangan yang mengandungi maklumat yang relevan bagi membolehkan pengguna maklumat membuat keputusan (Barth, 2008). Selain itu, ia bersifat '*neutral*' iaitu tidak menyebelahi mana-mana pihak dan maklumat yang cukup dan lengkap (Porter & Norton, 2010).

Walaupun banyak kajian yang telah dijalankan dalam hubung kait bahasa, istilah serta piawaian perakaunan yang digunakan, namun masih ada lagi faktor lain yang perlu diberi perhatian. Seperti yang kita tahu, ada juga pihak yang mempertikaikan keberkesanan laporan tahunan ini sebagai medium komunikasi. Ini disebabkan oleh laporan tahunan yang dikeluarkan tidak dapat memenuhi kehendak pengguna dengan sepenuhnya. Kebanyakan laporan tahunan yang dikeluarkan mengelakkannya ciri tidak dapat menarik perhatian para pengguna di samping bahasa yang digunakan juga sukar untuk difahami (Archer & McLeay, 1991). Selain itu, penggunaan istilah yang tidak seragam boleh menyebabkan nombor yang tertera tidak dapat memberikan makna dan gambaran sebenar terhadap maklumat yang disampaikan (Barth *et al.*, 2007). Pada masa sekarang, sekiranya berlaku ketidakfahaman, mungkin disebabkan oleh tahap komunikasi pengguna yang berbeza (Ali *et al.*, 2007). Di Malaysia, usaha dalam menyeragamkan penggunaan istilah khususnya dalam perakaunan masih belum giat dijalankan dan tiada usaha untuk mengkaji keseragaman penggunaan istilah secara ilmiah dibuat. Usaha dalam menyeragamkan istilah ini hanya dilakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti yang menghantar wakilnya untuk menghadiri bengkel anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk membincang, mengesah dan menyeragamkan penggunaan istilah berkaitan ekonomi, perakaunan, perbankan, insurans, perniagaan, percubaian, perdagangan dan pelaburan (Awang, 2000). Walau bagaimanapun, sepanjang perkembangan piawaian pelaporan kewangan di Malaysia, didapati hanya segelintir pengkaji yang menumpukan kepada piawaian laporan tahunan ini. Hasil kajian mendapat bahawa masa yang diberikan kepada syarikat untuk menerima piawaian ini adalah terhad (Yen *et al.*, 2007).

Kajian ini dilakukan kerana di Malaysia sehingga kini masih belum mempunyai satu piawaian perakaunan berkaitan istilah perakaunan di dalam Bahasa Melayu yang boleh diterima pakai umum. Selain itu, penggunaan istilah ini juga tidak mempunyai penguatkuasaan undang-undang yang sewajarnya. Di samping itu, kajian berkaitan penggunaan istilah perakaunan di dalam Bahasa Melayu masih kurang dijalankan oleh pihak yang bertanggungjawab di Malaysia. Hasil daripada kajian ini diharapkan akan dapat menjadi permulaan kepada syarikat yang mengeluarkan laporan tahunan dengan menggunakan Bahasa Melayu terutamanya dalam istilah perakaunan. Istilah-istilah ini juga diharapkan dapat diterima pakai oleh pihak penggubal piawaian perakaunan di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji amalan penggunaan Bahasa Melayu dalam laporan tahunan menerusi laman web syarikat oleh syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Artikel ini disusun seperti berikut: bahagian seterusnya akan membincangkan tentang latar belakang kajian yang dijalankan; diikuti dengan kajian literatur yang menyeluruh. Bahagian seterusnya pula membincangkan tentang metodologi kajian serta dapatan kajian. Akhir sekali, artikel ini berakhir dengan kesimpulan daripada kajian yang dijalankan.

■2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Berdasarkan kajian Maines dan McDaniel (2000), menguasai kemahiran persembahan dapat meningkatkan proses memindahkan idea, bahkan dapat menentukan kaedah satu pihak berupaya menguasai pihak yang lain serta memastikan proses komunikasi dua hala sentiasa berterusan. Persembahan penyata kewangan merupakan salah satu alternatif syarikat melaporkan tujuan laporan kewangan (Richardson *et al.*, 2002). Setiap komponen penyata kewangan perlu dikenal pasti dengan jelas. Selain daripada itu, maklumat yang penting perlu dipaparkan dan

diulang sekiranya perlu, bertujuan memberi pemahaman yang tepat terhadap maklumat yang disampaikan (Van, 1993). MASB 1 dibangunkan berdasarkan IFRS atau *International Accounting Standards* (IAS) 1 yang telah disemak. Pembentangan Penyata Kewangan ini dikeluarkan oleh LPPA (Hassan & Mohd Salleh, 2010).

Pertukaran kepada IFRS sebagai asas kepada sistem pelaporan kewangan di Malaysia, yang mempengaruhi dan memberi impak kepada syarikat. Berdasarkan *Financial Reporting Standards* (FRS) atau Piawaian Pelaporan Kewangan (PPK) 101 Para 46 menyatakan setiap komponen penyata kewangan perlu dikenal pasti dengan jelas. Menurut FRS 101 Para 13, laporan tahunan haruslah mempersempit kedudukan secara munasabah bagi meningkatkan prestasi kewangan dan aliran tunai entiti. Persempitan laporan tahunan yang wajar memerlukan ketepatan penyataan yang dapat memberi kesan kepada transaksi, peristiwa dan keadaan lain. Keadaan ini kerana tujuan laporan tahunan adalah untuk memberi maklumat tentang kedudukan kewangan, prestasi dan perubahan kedudukan kewangan syarikat yang berguna untuk pengguna bagi membuat sebarang keputusan (Feltham *et al.*, 2006).

Usaha untuk mencapai persempitan penyata kewangan yang adil, aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan perlu diiktiraf dan jika perlu, pelaporan tambahan juga perlu dilaporkan (Daske *et al.*, 2008). Seperti yang ditekankan oleh Thompson (2008) syarikat perlulah telus dan jelas dalam membuat pendedahan penyata kewangan. Piawaian dan nasihat bebas diperkuuhkan lagi melalui *Guidelines on Offer Documentation of the Malaysian Code on Take-overs and Mergers* yang kini masih diperkemas lagi (Holthausen & Watts, 2001). Bahagian seterusnya menerangkan tentang pencapaian serta penumpuan daripada kajian lepas yang menjadi asas panduan kepada kajian yang sedang dijalankan ini.

■3.0 SOROTAN KARYA

Berdasarkan kajian lepas, kebanyakan pengkaji melakukan kajian terhadap beberapa negara mengenai laporan tahunan yang disediakan oleh negara seperti China (Belkaoui & Picur, 1991), Jordan (Bartov *et al.*, 2005), Eropah (Baldwin *et al.*, 2003), Amerika Syarikat (Hjarvard, 2003), Asia (Globerman *et al.*, 2011), Perancis, Belanda (Parker, 1994) dan Jepun (Okada, 2008). Kajian yang dijalankan menyeluruh membincangkan tentang penerimaan negara yang berbeza terhadap laporan tahunan yang dilaporkan. Dari segi laporan tahunan dan juga kepentingannya yang paling utama adalah mengandungi maklumat jadual, gambarajah, graf, penceritaan, nombor dan istilah (Courtis, 1995), memudahkan proses pengauditan (Booth & Schulz, 1995), medium komunikasi (Alexander, 1993), pencapaian syarikat (Courtis, 1998), laporan tahunan sukar difahami (Archer & McLeay, 1991), kesan komunikasi pihak penyedia laporan tahunan dengan pengguna laporan tahunan (Hopkin, 1996) dan juga piawaian pembentangan laporan tahunan (Botoson, 2004).

Fungsi laporan tahunan adalah penting kerana mempunyai kaitan dengan pihak yang berkepentingan (Ashbaugh & Pincus, 2001), kontrak pekerjaan (Scott, 1997), kebolehbacaan (Epstein *et al.*, 2008), alat komunikasi (Young, 2003), pembuatan keputusan syarikat (Ball *et al.*, 2003) dan pengawasan ke atas sumber syarikat (Barker, 1998). Seterusnya komponen penyata kewangan dibincangkan dalam kajian (Aisbett & Nobes, 2001; Barth *et al.*, 2007; Ali *et al.*, 2007). Keperluan undang-undang adalah penting dalam penyediaan laporan tahunan. Kajian lepas banyak membincangkan tentang kaedah persempitan laporan tahunan (Hirst & Hopkins, 1998), pematuhan asas piawaian (Parker, 1994; Jeanjean & Stolowy 2008; Benston, 1982; Bartov *et al.*, 2005;

Geoff, 2004), etika perakaunan (Belkaoui & Picur, 1991), maklumat yang lengkap (Porter & Norton, 2010), ICAEW, IASB (Baldwin *et al.*, 2003) dan sistem maklumat (Beretta & Bozzolan, 2004; Carter & Van, 2006; Baldwin *et al.*, 2003).

Berdasarkan kajian konsep dan prinsip penyata kewangan (Hein *et al.*, 2008) ianya terbahagi kepada kajian pelaporan berdasarkan nilai saksama (Healy & Perry, 2000; Gerard, 2011; Mohd Iskandar & Basnan, 2002; Bradshaw *et al.*, 2004; Hooi *et al.*, 2003). Selain itu kajian juga membincangkan tentang istilah perakaunan dalam penyata kewangan (Iselin, 1989; Chen & Sami, 2008; Chan & Seow, 1996; Jones, 1996; Parker, 1994; Aisbett & Nobes, 2001; Brown, 1995; Covrig *et al.*, 2007; Hjarvard, 2003). Penggunaan istilah dalam komunikasi serta tanggungjawab korporat (Davidson & Chrisman, 1993; Parker, 1994; Craven & Marston, 1997; Peng & Bewley, 2010; Jeanjean & Stolowy, 2008; Cuijper & Buijink, 2005; Melis & Carta, 2010; Kosmala, 2003; Awang, 1995; Young, 2003; Evans, 2004; Carter & Auken, 2006; Sun, 2007; Brennan *et al.*, 2009). Seterusnya bagi asas perakaunan akruan dan nilai semasa atau bukan semasa dijalankan oleh (Beattie *et al.*, 1994; Hooi *et al.*, 2003; Fulkerson & Meek, 1998; Taylor, 2009; Morais, 2010; Lander & Auger, 2008). Bagi ciri kualitatif penyata kewangan membincangkan tentang materialiti (Mills, 1989; Maines & McDaniel, 2000), kebolehbacaan dan kefahaman (Power, 2003; Sun, 2007), seterusnya pula kajian membentangkan tentang ketekalan di dalam persempitan laporan tahunan, tempoh perakaunan dan perbandingan maklumat (Smith & Smith, 1971; Neumann, 2000; Taylor, 2009).

Pembentangan penyata kewangan dibahagikan kepada bahasa (Mills, 1989; Parker, 1994; Benston, 1982; Hassan & Saleh, 2010; Geoff, 2004; Globerman *et al.*, 2011; Hjarvard, 2003), penemuan daripada kajian-kajian lepas memaparkan tentang penerimaan IFRS (Tan *et al.*, 2007), kepentingan format persempitan (Smith, 1971; Laswad *et al.*, 2008), penyata untung rugi dan penyata pendapatan menyeluruh (Melis & Carta, 2010; Beattie *et al.*, 1994), kunci kira-kira, penyata perubahan ekuiti, penyata aliran tunai dan kerelevan (Lander & Auger, 2008; Taylor, 2009; Kosmala, 2003; Lau, 2008; Scott, 2006). Laporan tahunan yang dipaparkan sewajarnya perlulah mudah dibaca dan difahami. Sesuatu laporan tahunan perlu mempunyai tahap kebolehbacaan dan kefahaman yang tinggi supaya dapat memudahkan pengguna mendapatkan maklumat yang diperlukan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perubahan hasil daripada semakan FRS 101 antaranya adalah perubahan tajuk bagi setiap komponen penyata kewangan dan perubahan terhadap komponen penyata kewangan. Perubahan ini bertujuan memastikan pembentangan penyata kewangan lebih relevan. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, beberapa isu perlu diberi perhatian adalah berkenaan dengan penggunaan bahasa, piawaian, tajuk dan istilah yang digunakan dalam laporan tahunan syarikat di Malaysia perlu dijajikan dengan lebih lanjut lagi.

Kajian mengenai penggunaan Bahasa Melayu dalam sektor korporat di Malaysia masih begitu terhad (Abdul Rahman *et al.*, 2006). Terdahulu, kajian telah dilaksanakan adalah mengenai keseragaman penggunaan istilah-istilah perakaunan dalam laporan tahunan korporat di Malaysia (Abdul Rahman *et al.*, 2006). Hasil kajian Abdul Rahman *et al.* (2006) menunjukkan bahawa 15 daripada istilah-istilah perakaunan adalah selaras dengan istilah-istilah Bahasa Melayu yang dicadangkan oleh LPPM. Hasil kajian juga mendapati wujudnya keseragaman dalam penggunaan 14 daripada istilah-istilah tersebut dalam pelbagai industri. Kajian terkini, Ali Khan *et al.* (2011) mengenai amalan penggunaan Bahasa Melayu dalam laporan tahunan bagi syarikat tersenarai di Bursa Malaysia bagi tempoh lima tahun bermula pada tahun 2006 sehingga 2010. Kajian ini dijalankan berpandukan FRS atau PPK 101 bagi pembentangan penyata kewangan terbitan LPPM.

Sebanyak 84 buah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia diambil sebagai sampel. Hasil kajian mendapati bahawa 1.78 peratus (2006), 1.62 peratus (2007), 2.34 peratus (2008), 2.13 peratus (2009) dan 1.90 peratus (2010) buah syarikat yang ada memuatturunkan laporan tahunan menggunakan Bahasa Melayu di dalam laman web korporat syarikat. Hasil kajian turut membuktikan bahawa tahap penggunaan Bahasa Melayu bagi melaporkan maklumat kewangan dan perniagaan syarikat adalah rendah di kalangan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Peratusan yang rendah terhadap penggunaan Bahasa Melayu dalam laporan tahunan menunjukkan bahawa Bahasa Melayu secara praktikalnya, belum lagi dimartabatkan sebagai bahasa perdagangan yang utama di Malaysia.

■4.0 METODOLOGI

Bertepatan dengan objektif kajian, pemerhatian dilaksanakan ke atas laporan tahunan bagi tempoh sepuluh tahun iaitu bermula tahun 2001 sehingga 2010. Bilangan populasi pada tahun 2010 didapati bahawa terdapat sebanyak 844 buah syarikat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang yang berbeza disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia. Daripada jumlah ini, tinjauan awal mendapati sebanyak 234 buah syarikat yang tersenarai sahaja bermula tahun 2001 sehingga 2010 yang menerbitkan laporan tahunan dalam dwi-bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Tumpuan kajian hanya akan diberikan terhadap semua istilah perakaunan yang digunakan di dalam lembaran imbalan termasuk nota-nota kepada akaun sesuatu laporan tahunan yang disediakan dalam Bahasa Melayu. Penggunaan istilah hanya diambil daripada lembaran imbalan kerana format persempahan lembaran imbalan lebih menunjukkan kesamaan berbanding penyata untung rugi.

Reka bentuk dalam kajian ini digunakan untuk menstruktur proses penyelidikan serta menunjukkan setiap bahagian-bahagian penting seperti sampel data, pengukuran dan penilaian dapat disatukan untuk membentuk sesuatu keputusan. Kajian ini menggunakan reka bentuk yang berasaskan tinjauan dalam pengumpulan sesuatu data. Kajian yang dijalankan ini merupakan penyelidikan dan tinjauan deskriptif untuk menilai dan melihat keadaan pembentangan yang dilakukan oleh syarikat berdasarkan piawaian pelaporan kewangan. Teknik persampelan secara bertujuan digunakan dalam kajian ini bagi tujuan pemilihan sampel. Ia merupakan salah satu kaedah utama yang dapat digunakan untuk mengumpul maklumat agar memenuhi objektif kajian (Neumann, 2000). Teknik ini dilakukan dengan mendapatkan data dan maklumat daripada laman web sampel syarikat kajian yang terdapat menerusi laman web Bursa Malaysia. Analisis kandungan turut digunakan untuk menganalisis pelaporan maklumat di dalam penyata kewangan tahunan seperti maklumat yang lebih terperinci tentang tajuk, item, istilah, dan isi kandungan yang penting di dalam penyata kewangan bagi tujuan kajian.

Instrumen kajian menggunakan senari semakan yang dicetak untuk mengumpul data. Senari semakan merupakan alat penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini bagi mengumpul data daripada laporan tahunan. Soalan yang direka adalah berstruktur di mana maklumat yang disediakan dipetik daripada FRS 101 terbitan MASB. Bentuk soalan yang dirangka adalah berbentuk *closed item* merupakan bentuk soalan yang memerlukan pengkaji menjawab soalan dengan menanda jawapan pilihan yang telah disediakan (Sekaran, 2003). Soalan yang terkandung di dalam senari semakan dibentuk bagi mengetahui amalan penggunaan Bahasa Melayu di dalam laporan tahunan oleh syarikat yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia. Data yang berbentuk kuantitatif dianalisis menggunakan perisian

Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 17.0. Semasa proses penganalisis data, penyelidik menggunakan kaedah analisis deskriptif bagi mencari kekerapan ke atas data yang diperolehi. Di samping itu, penyelidik juga menggunakan kaedah peratusan bagi menilai keputusan kajian dengan lebih mudah difahami.

Seterusnya, senari semakan merupakan salah satu kaedah kuantitatif yang digunakan bagi mengumpul maklumat daripada mereka yang berpengalaman. Weber (1990) menyatakan bahawa senari semakan dapat meningkatkan kesahihan sesuatu fakta. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan senari semakan kerana merupakan satu kaedah bagi mendapatkan maklumat daripada entiti yang lebih berpengalaman. Dalam konteks ini, entiti yang berpengalaman merujuk kepada akta dan piawaian perakaunan yang digunakan sebagai panduan dalam penyediaan penyata kewangan. Dianggarkan lebih daripada 95% daripada soalan yang dirangka berpandukan kepada piawaian yang sedia ada bagi memenuhi objektif yang telah ditetapkan.

■5.0 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan bilangan syarikat yang menggunakan Bahasa Melayu bagi laporan tahunan di dalam laman web syarikat. Kesemua sampel kajian ini iaitu 234 buah syarikat mewakili 100% menggunakan Bahasa Melayu dalam penyediaan laporan tahunan. Walau bagaimanapun, dapatan yang diperoleh mengikut jumlah keseluruhan senari syarikat di Bursa Malaysia mendapati bahawa pada tahun 2001 sebanyak 4.19%, diikuti dengan 3.74% pada tahun 2002, 3.43% pada tahun 2003, seterusnya 3.11% pada tahun 2004, 2.84% pada tahun 2005, 1.78% pada tahun 2006 dan 1.62% sahaja pada tahun 2007. Dapatan kajian ini menunjukkan penurunan daripada tahun 2001 sehingga tahun 2007. Bermula pada tahun 2008, terdapat sedikit peningkatan iaitu sebanyak 2.34%, namun semakin berkurang menjelang tahun 2009 iaitu sebanyak 2.13% diikuti dengan 1.90% pada tahun 2010. Hasil dapatan ini menyokong kajian Parker (1994) yang menunjukkan bahawa Bahasa Melayu kurang digunakan oleh syarikat di Malaysia kerana Bahasa Inggeris telah menjadi bahasa *lingua franca* yang digunakan bagi urusan perniagaan dan kini Bahasa Inggeris juga dijadikan bahasa perniagaan.

Jadual 2 menyatakan bagi tahun 2001 sehingga tahun 2010, kesemua sampel kajian ini menggunakan dwi-bahasa iaitu Bahasa Melayu dan juga Bahasa Inggeris iaitu sebanyak 100%. Walau bagaimana pun, pada tahun 2001 terdapat tujuh buah syarikat iaitu 20.6% menggunakan satu lagi bahasa iaitu Bahasa Mandarin di dalam laporan tahunan, begitu juga pada tahun 2002 mencatatkan sebanyak lima buah syarikat iaitu 15.6% menggunakan Bahasa Mandarin. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa kebanyakan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia menggunakan Bahasa Inggeris di dalam penyediaan laporan tahunan. Dapatan kajian ini menyokong kajian Parker (1994) yang menyatakan Bahasa Inggeris merupakan bahasa komunikasi yang utama di dunia.

Jadual 1 Penggunaan bahasa Melayu dalam laporan tahunan

| Bahasa Melayu | 2001 | | 2002 | | 2003 | | 2004 | | 2005 | | 2006 | | 2007 | | 2008 | | 2009 | | 2010 | |
|--------------------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|
| | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % |
| Ya | 34 | 100 | 32 | 100 | 30 | 100 | 28 | 100 | 26 | 100 | 16 | 100 | 14 | 100 | 20 | 100 | 18 | 100 | 16 | 100 |
| | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Jumlah | 34 | 100 | 32 | 100 | 30 | 100 | 28 | 100 | 26 | 100 | 16 | 100 | 14 | 100 | 20 | 100 | 18 | 100 | 16 | 100 |
| Jumlah Keseluruhan | 812 | 4.19 | 856 | 3.74 | 874 | 3.43 | 900 | 3.11 | 914 | 2.84 | 899 | 1.78 | 863 | 1.62 | 855 | 2.34 | 844 | 2.13 | 844 | 1.90 |

Jadual 2 Penggunaan bahasa dalam laporan tahunan

| Bahasa | 2001 | | 2002 | | 2003 | | 2004 | | 2005 | | 2006 | | 2007 | | 2008 | | 2009 | | 2010 | |
|-----------------|------|------|------|------|------|-----|------|-----|------|-----|------|-----|------|-----|------|-----|------|-----|------|-----|
| | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % |
| Bahasa Malaysia | 34 | 100 | 32 | 100 | 30 | 100 | 28 | 100 | 26 | 100 | 16 | 100 | 14 | 100 | 20 | 100 | 18 | 100 | 16 | 100 |
| Bahasa Inggeris | 34 | 100 | 32 | 100 | 30 | 100 | 28 | 100 | 26 | 100 | 16 | 100 | 14 | 100 | 20 | 100 | 18 | 100 | 16 | 100 |
| Bahasa Mandarin | 7 | 20.6 | 5 | 15.6 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |

Jadual 3 Strategi pelaporan

| Strategi Pelaporan | 2001 | | 2002 | | 2003 | | 2004 | | 2005 | | 2006 | | 2007 | | 2008 | | 2009 | | 2010 | |
|--------------------|------|-------|------|-------|------|------|------|-------|------|-------|------|-------|------|------|------|-----|------|------|------|-----|
| | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % |
| Opportunism | 3 | 8.82 | 2 | 6.25 | 3 | 10.0 | 2 | 7.14 | 4 | 15.38 | 1 | 6.25 | 4 | 28.6 | 6 | 30 | 3 | 16.6 | 8 | 50 |
| | 31 | 91.18 | 30 | 93.75 | 27 | 90.0 | 26 | 92.86 | 22 | 84.62 | 15 | 93.75 | 10 | 71.4 | 14 | 70 | 15 | 83.3 | 8 | 50 |
| Jumlah | 34 | 100 | 32 | 100 | 30 | 100 | 28 | 100 | 26 | 100 | 16 | 100 | 14 | 100 | 20 | 100 | 18 | 100 | 16 | 100 |

Jadual 3 menunjukkan strategi pelaporan yang digunakan oleh syarikat dalam laporan tahunan. Dalam konteks penyebaran maklumat, *ritualism* diertikan sebagai pelaporan yang statik, manakala *opportunism* bermaksud pelaporan yang dinamik (Trabelsi *et al.*, 2004). Hasil kajian menunjukkan bahawa bagi tahun 2001 sebanyak tiga buah syarikat iaitu 8.82% menggunakan strategi *opportunism* manakala bagi *ritualism* pula sebanyak 31 buah syarikat iaitu 91.18%. Syarikat yang melaporkan komponen di dalam penyata kewangan dengan lengkap dan terperinci dikategorikan sebagai syarikat mempraktikkan strategi pelaporan *opportunism*. Manakala, syarikat yang melaporkan komponen di dalam penyata kewangan dengan tidak lengkap dan kurang terperinci diklasifikasikan sebagai syarikat mengamalkan strategi pelaporan *ritualism*. Strategi pelaporan dengan menggunakan *ritualism* adalah paling tinggi sering digunakan oleh syarikat sampel di dalam kajian ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa syarikat di Malaysia masih jauh ketinggalan berbanding negara maju dalam menyediakan laporan tahunan sepertimana yang dilaporkan dalam kajian (Ashbaugh & Pincus, 2001). Justeru itu, usaha perlu dilakukan oleh Bursa Malaysia adalah penting bagi memastikan pelaporan laporan tahunan yang lengkap dan berkualiti dapat dihasilkan.

Jadual 4 menerangkan tentang tajuk penyata kewangan yang dibentangkan dahulu mengikut turutan. Pada tahun 2001, penyata oleh pengurus dan juga laporan juru audit yang paling tinggi dilaporkan dahulu dalam penyata kewangan iaitu sebanyak 34 buah syarikat mewakili 100%, diikuti dengan tajuk laporan pengurus yang dilaporkan dahulu iaitu sebanyak 32 buah syarikat mewakili 94.12% dan paling kurang dilaporkan dahulu adalah penyata tanggungjawab pengurus dan penyata perubahan ekuiti disatukan adalah sebanyak dua buah syarikat iaitu mewakili 5.88% sahaja. Tahun 2003 pula tajuk yang paling tinggi

dilaporkan adalah penyata oleh pengurus iaitu sebanyak 29 buah syarikat mewakili 96.66%, diikuti dengan tajuk perubahan ekuiti disatukan dan juga lembaran imbang merupakan tajuk paling kurang dilaporkan dahulu iaitu mencatat bilangan sebanyak 11 buah syarikat mewakili 36.66% sahaja.

Seterusnya bagi tahun 2004, tajuk paling tinggi dilaporkan dahulu di dalam penyata kewangan adalah penyata oleh pengurus dan penyata perubahan ekuiti masing-masing mencatatkan sebanyak 27 buah syarikat iaitu mewakili 96.43%. Pada tahun 2007 pula tajuk yang paling tinggi dilaporkan adalah laporan pengurus, penyata oleh pengurus dan juga akuan berkanan iaitu sebanyak 11 buah syarikat mewakili 78.6%, manakala tajuk paling rendah dilaporkan adalah penyata pemegang amanah dan juga dasar perakaunan yang mencatatkan sebanyak satu buah syarikat iaitu 7.14% sahaja. Selain itu, bagi tahun 2008 pula tajuk yang tertinggi adalah laporan pengurus iaitu 16 buah syarikat mewakili 80% diikuti dengan tajuk dasar perakaunan dan juga penyata tanggungjawab pengurus mencatatkan sebanyak dua buah syarikat iaitu 10% sahaja. Tahun 2010, tajuk yang paling tinggi dilaporkan dahulu adalah sebanyak 14 buah syarikat iaitu 87.5% manakala yang paling rendah adalah penyata pemegang amanah iaitu sebanyak satu buah syarikat mewakili 6.2% sahaja. Jadual 5 menunjukkan istilah penghutang atau belum terima dagangan. Istilah penghutang dilaporkan paling tinggi pada tahun 2002 iaitu 30 buah syarikat mewakili 93.75% syarikat diikuti dengan tahun 2003 iaitu 28 buah syarikat mewakili 93.33% manakala paling rendah adalah pada tahun 2010 iaitu 11 buah syarikat mewakili 68.7%. Bagi istilah akaun belum terima pula paling tinggi dilaporkan pada tahun 2008 iaitu empat buah syarikat mewakili 20% diikuti dengan tiga buah syarikat mewakili 11.54% pada tahun 2005 dan paling rendah adalah pada tahun 2002 iaitu dua buah syarikat mewakili 6.25%. Seterusnya bagi belum terima

dagangan paling tinggi adalah pada tahun 2001 iaitu empat buah syarikat mewakili 11.76% diikuti dengan tiga buah syarikat mewakili 18.75% pada tahun 2006 dan paling rendah pada 2003 iaitu dua buah syarikat mewakili 6.66%. Manakala bagi perolehan dagangan pula paling tinggi pada tahun 2005 iaitu tiga buah syarikat mewakili 11.54%.

Jadual 6 menunjukkan istilah pembiutang atau belum bayar dagangan. Istilah pembiutang dilaporkan paling tinggi pada tahun 2002 iaitu 30 buah syarikat mewakili 93.75% syarikat diikuti dengan tahun 2003 iaitu 28 buah syarikat mewakili 93.33% manakala paling rendah adalah pada tahun 2010 iaitu 11 buah syarikat mewakili 68.7%. Bagi istilah belum bayar dagangan pula paling tinggi dilaporkan pada tahun 2001 iaitu empat buah syarikat mewakili 11.76% diikuti dengan tiga buah syarikat mewakili 18.75% pada tahun 2006 dan paling rendah adalah pada tahun 2003 iaitu dua buah syarikat mewakili 6.66%. Seterusnya bagi pembayaran dagangan paling tinggi adalah pada tahun 2005 iaitu tiga buah syarikat mewakili 11.54% manakala bagi akaun belum bayar pula paling tinggi pada tahun 2008 iaitu empat buah syarikat mewakili 20% diikuti dengan tiga buah syarikat mewakili 11.54% pada tahun 2005 dan paling rendah pada tahun 2002 iaitu dua buah syarikat mewakili 6.25% sahaja.

Jadual 7 menunjukkan istilah stok yang digunakan dalam penyata kewangan. Bilangan syarikat yang paling tinggi

menggunakan istilah stok adalah pada tahun 2003 iaitu sebanyak tiga buah syarikat mewakili 10% diikuti dengan dua buah syarikat mewakili 5.88% pada tahun 2001. Seterusnya bagi syarikat yang menggunakan istilah inventori paling tinggi pada tahun 2002 iaitu sebanyak 30 buah syarikat mewakili 93.75% diikuti dengan 22 buah syarikat mewakili 84.62% pada tahun 2005 manakala yang paling rendah adalah pada tahun 2007 iaitu lapan buah syarikat mewakili 57.1% sahaja.

Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa penggunaan Bahasa Melayu kurang dilaporkan di dalam laporan tahunan. Kebanyakan syarikat di Malaysia lebih cenderung menggunakan Bahasa Inggeris dalam laporan tahunan. Strategi pelaporan pula lebih kepada *ritualism* iaitu dalam konteks penyebaran maklumat, *ritualism* diertikan sebagai pelaporan yang statik, manakala *opportunism* bermaksud pelaporan yang dinamik (Trabelsi *et al.*, 2004). Tajuk yang digunakan di dalam pembentangan penyata kewangan adalah mengikut piawaian yang ditetapkan cuma terdapat sedikit perbezaan dari segi penyusunan tajuk di dalam penyata kewangan. Istilah yang digunakan juga menepati piawaian FRS 101. Kajian harus dikembangkan dengan mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan perubahan serta meningkatkan kualiti laporan tahunan syarikat di Malaysia.

Jadual 4 Tajuk penyata kewangan yang dibentangkan dahulu mengikut turutan

| Tajuk | 2001 | | 2002 | | 2003 | | 2004 | | 2005 | | 2006 | | 2007 | | 2008 | | 2009 | | 2010 | |
|------------------------------------|------|-------|------|-------|------|-------|------|-------|------|-------|------|-------|------|------|------|----|------|------|------|------|
| | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % |
| Laporan pengurus | 32 | 94.12 | 30 | 93.75 | 27 | 90.0 | 25 | 89.29 | 23 | 88.46 | 14 | 82.5 | 11 | 78.6 | 16 | 80 | 15 | 83.3 | 14 | 87.5 |
| Penyata oleh pengurus | 34 | 100.0 | 30 | 93.75 | 29 | 96.66 | 27 | 96.43 | 18 | 69.23 | 13 | 81.25 | 11 | 78.6 | 10 | 50 | 11 | 61.1 | 10 | 62.5 |
| Akaun berkanun | 30 | 88.24 | 26 | 81.25 | 12 | 40.0 | 23 | 82.14 | 22 | 84.62 | 13 | 81.25 | 11 | 78.6 | 10 | 50 | 10 | 55.5 | 10 | 62.5 |
| Penyata pemegang amanan | 25 | 73.53 | 30 | 93.75 | 17 | 56.66 | 21 | 75.0 | 14 | 53.85 | 2 | 12.5 | 1 | 7.14 | 3 | 15 | 2 | 11.1 | 1 | 6.2 |
| Laporan juruaudit | 34 | 100.0 | 32 | 100.0 | 14 | 46.66 | 14 | 50.0 | 13 | 50.0 | 13 | 81.25 | 10 | 71.4 | 9 | 45 | 11 | 61.1 | 9 | 56.2 |
| Penyata pendapatan komprehensif | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 6 | 37.5 |
| Penyata posisi/kedudukan kewangan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 5 | 31.2 |
| Penyata perubahan ekuiti | 30 | 88.24 | 29 | 90.63 | 23 | 76.66 | 27 | 96.43 | 15 | 57.69 | 9 | 56.25 | 8 | 57.1 | 5 | 25 | 7 | 38.8 | 6 | 37.5 |
| Penyata aliran tunai | 26 | 76.47 | 25 | 78.13 | 20 | 66.66 | 25 | 89.29 | 22 | 84.62 | 10 | 62.5 | 8 | 57.1 | 6 | 30 | 6 | 33.3 | 6 | 37.5 |
| Nota berkenaan penyata kewangan | 14 | 41.18 | 23 | 71.88 | 13 | 43.33 | 15 | 53.57 | 21 | 80.77 | 10 | 62.5 | 9 | 64.3 | 6 | 30 | 4 | 22.2 | 6 | 37.5 |
| Dasar perakaunan | 31 | 91.18 | 21 | 65.63 | 12 | 40.0 | 17 | 60.71 | 15 | 57.69 | - | - | 1 | 7.14 | 2 | 10 | 2 | 11.1 | 2 | 12.5 |
| Maklumat tambahan | 7 | 20.59 | 15 | 46.88 | 20 | 66.66 | 18 | 64.29 | 7 | 26.92 | - | - | - | - | - | - | - | - | 4 | 25.0 |
| Penyata perubahan ekuiti disatukan | 2 | 5.88 | 23 | 71.88 | 11 | 36.66 | 12 | 42.86 | 13 | 50.0 | 6 | 37.5 | 7 | 50 | 4 | 20 | 6 | 33.3 | 4 | 25.0 |
| Penyata tanggungjawab pengurus | 2 | 5.88 | 14 | 43.75 | 13 | 43.33 | 13 | 46.43 | 12 | 46.15 | 2 | 12.5 | 3 | 21.4 | 2 | 10 | 3 | 16.6 | 2 | 12.5 |
| Penyata pendapatan | 25 | 73.53 | 15 | 46.88 | 12 | 40.0 | 15 | 53.57 | 16 | 61.54 | 10 | 62.5 | 7 | 50 | 8 | 40 | 8 | 44.4 | 3 | 18.7 |
| Lembaran imbalan | 24 | 70.59 | 25 | 78.13 | 11 | 36.66 | 17 | 60.71 | 14 | 53.85 | 10 | 62.5 | 7 | 50 | 7 | 35 | 6 | 33.3 | 2 | 12.5 |
| Kunci kira-kira | 3 | 73.53 | 5 | 15.63 | 14 | 46.66 | 12 | 42.86 | 18 | 69.23 | 2 | 12.5 | 3 | 21.4 | 6 | 30 | 7 | 38.8 | 3 | 18.7 |

Jadual 5 Istilah Penghutang atau belum terima dagangan

| Istilah | 2001 | | 2002 | | 2003 | | 2004 | | 2005 | | 2006 | | 2007 | | 2008 | | 2009 | | 2010 | |
|-------------------------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|------------|
| | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % |
| Penghutang | 30 | 88.24 | 30 | 93.75 | 28 | 93.33 | 26 | 92.86 | 18 | 69.23 | 13 | 81.25 | 13 | 92.9 | 14 | 70 | 14 | 77.7 | 11 | 68.7 |
| Akaun belum terima | - | - | 2 | 6.25 | - | - | 2 | 7.14 | 3 | 11.54 | - | - | - | - | 4 | 20 | 2 | 11.1 | 2 | 12.5 |
| Belum terima dagangan | 4 | 11.76 | - | - | 2 | 6.66 | - | - | 2 | 7.69 | 3 | 18.75 | - | - | 2 | 10 | 2 | 11.1 | 3 | 18.7 |
| Perolehan dagangan | - | - | - | - | - | - | - | - | 3 | 11.54 | - | - | 1 | 7.1 | - | - | - | - | - | - |
| Siberhutang | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Perdagangan akan terima | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Jumlah | 34 | 100 | 32 | 100 | 30 | 100 | 28 | 100 | 26 | 100 | 16 | 100 | 14 | 100 | 20 | 100 | 18 | 100 | 16 | 100 |

Jadual 6 Istilah pembiutang atau belum bayar dagangan

| Istilah | 2001 | | 2002 | | 2003 | | 2004 | | 2005 | | 2006 | | 2007 | | 2008 | | 2009 | | 2010 | |
|----------------------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|------------|-----------|------------|
| | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % |
| Pembiutang | 30 | 88.24 | 30 | 93.75 | 28 | 93.33 | 26 | 92.86 | 18 | 69.23 | 13 | 81.25 | 13 | 92.9 | 14 | 70 | 14 | 77.7 | 11 | 68.7 |
| Belum bayar dagangan | 4 | 11.76 | - | - | 2 | 6.66 | - | - | 2 | 7.69 | 3 | 18.75 | - | - | 2 | 10 | 2 | 11.1 | 3 | 18.7 |
| Pembayaran dagangan | - | - | - | - | - | - | - | - | 3 | 11.54 | - | - | 1 | 7.1 | - | - | - | - | - | - |
| Ak. belum bayar | - | - | 2 | 6.25 | - | - | 2 | 7.14 | 3 | 11.54 | - | - | - | - | 4 | 20 | 2 | 11.1 | 2 | 12.5 |
| Jumlah | 34 | 100 | 32 | 100 | 30 | 100 | 28 | 100 | 26 | 100 | 16 | 100 | 14 | 100 | 20 | 100 | 18 | 100 | 16 | 100 |

Jadual 7 Istilah stok

| Istilah | 2001 | | 2002 | | 2003 | | 2004 | | 2005 | | 2006 | | 2007 | | 2008 | | 2009 | | 2010 | |
|-----------|------|------|------|-------|------|------|------|-------|------|-------|------|------|------|------|------|----|------|----|------|------|
| | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % | f | % |
| Stok | 2 | 5.88 | - | - | 3 | 10.0 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Inventori | 17 | 50.0 | 30 | 93.75 | 21 | 70.0 | 18 | 64.29 | 22 | 84.62 | 10 | 62.5 | 8 | 57.1 | 12 | 60 | 9 | 50 | 11 | 68.7 |

■6.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Kajian ini melaporkan dapatkan kajian berkaitan amalan penggunaan Bahasa Melayu dalam laporan tahunan menerusi laman web syarikat tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia. Hasil kajian mendapat kadar penggunaan Bahasa Melayu adalah rendah berbanding dengan Bahasa Inggeris dalam laporan tahunan syarikat yang sangat tinggi (melebihi 90%). Hanya beberapa syarikat yang dikaji sahaja yang mengambil inisiatif untuk membentangkan laporan tahunan mereka dalam gabungan dua atau tiga bahasa. Penggunaan Bahasa Inggeris memang digalakkan oleh kerajaan, namun dari satu aspek lain iaitu sama ada maklumat yang disampaikan oleh syarikat melalui laporan tahunan mereka dapat difahami dengan baik oleh para pengguna yang tidak mahir berbahasa Inggeris menimbulkan satu persoalan lain (Lander & Auger, 2008). Oleh itu, adalah dicadangkan penggubal piawaian perakaunan untuk meneliti perkara ini sama ada perlu atau tidak untuk pihak syarikat menyediakan laporan tahunan syarikat mereka dalam sekurang-kurangnya dua bahasa agar kebolehgunaan dan kebolehfahamannya dipertingkatkan dalam kalangan pengguna maklumat perakaunan.

Berdasarkan perbezaan yang wujud dari segi susun atur, penggunaan istilah dan kaedah perakaunan yang digunakan, ianya menggambarkan bahawa objektif piawaian perakaunan untuk menetapkan asas pembentangan penyata kewangan tujuan umum bagi memastikan kebolehbandingan dengan penyata kewangan terdahulu perusahaan itu sendiri dengan penyata kewangan

perusahaan lain, dan sukar dicapai (Jones, 1996). Bagi penggunaan FRS 101, kepentingan kumpulan dalam entiti dikawal bersama dimasukkan ke dalam penyata kewangan disatukan mengikut kaedah perakaunan entiti. Hasil analisis mendapat wujudnya keseragaman di dalam persembahan tajuk dalam penyata kewangan bagi industri seperti pelaporan kunci kira-kira, penyata pendapatan, penyata perubahan ekuiti, penyata aliran tunai dan pelaporan nota kepada penyata kewangan. Dapatkan kajian menunjukkan kebanyakan sampel syarikat melaporkan maklumat berikut yang mematuhi keperluan yang diperuntukkan oleh FRS 101 (Adelberg & Farrelly, 1989). Namun begitu, seperti mana kajian Parker (1994) masih terdapat perbezaan daripada beberapa aspek yang dikaji seperti istilah dan kaedah yang dibentangkan dalam laporan tahunan syarikat.

Walau bagaimanapun terdapat beberapa kekangan sewaktu kajian dijalankan, FRS 101 masih belum dipraktikkan sepenuhnya oleh syarikat kerana kerangka MFRS akan digunakan sepenuhnya oleh setiap syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia bermula pada tahun 2012. Di samping itu, jumlah sampel yang dijadikan kajian adalah rendah dan terhad iaitu sebanyak 234 buah syarikat yang menggunakan Bahasa Melayu di dalam laporan tahunan menerusi laman web bagi syarikat tersenarai di Bursa Malaysia mulai tahun 2001 sehingga 2010. Kajian yang dijalankan hanya bertumpu kepada syarikat tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia. Oleh itu, dapatkan kajian ini menggambarkan praktis pembentangan laporan tahunan dalam kalangan syarikat tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia sahaja. Seterusnya kajian ini

dilaksanakan di persekitaran pelaporan tahunan berdasarkan laman web syarikat di Malaysia.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik, kajian lanjutan perlu dijalankan kerana kajian kini hanya dibuat pada pra pelaksanaan MFRS 101. Kajian pada masa hadapan boleh diperkembangkan lagi kepada penelitian kesan pembentangan MFRS 101 disemak semula bagi penyata kewangan dalam hal yang berkenaan entiti laporan tahunan dalam mengklasifikasikan maklumat perbandingan. Penyata kewangan juga menunjukkan keputusan pengawasan ke atas sumber yang diamanahkan kepadaanya. Walau bagaimanapun terdapat kemungkinan bahawa penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan komprehensif akan dibentangkan sebagai piawaian prestasi (Feltham *et al.*, 2006). Kajian seumpama ini akan menambahkan bukti sokongan tentang kesan peralihan sepenuhnya piawaian MFRS 101 di dalam laporan kewangan.

Selain itu, cadangan yang boleh dipertimbangkan adalah mempertingkatkan populasi dan sampel kajian yang dijalankan. Jumlah sampel kajian yang mencukupi dan seimbang adalah penting bagi memperolehi data yang lebih tepat dan mewakili populasi sampel. Kajian ini juga boleh dijalankan dengan membuat perbandingan antara ciri atau karakter syarikat dengan cara penerimaan MFRS 101. Hasil kajian ini dapat menjadi satu alternatif kepada syarikat untuk meningkatkan tahap pengetahuan dalam pelaksanaan MFRS 101 di dalam penyediaan penyata kewangan, sejajar dengan langkah MASB untuk melaksanakan MFRS. Di samping itu, isu penggunaan bahasa dan pemahaman terhadap istilah perakaunan yang digunakan dalam laporan tahunan syarikat juga boleh diberi perhatian untuk kajian akan datang untuk menentukan sama ada penggunaan bahasa menghadkan kebolehgunaan laporan tahunan syarikat dalam kalangan pengguna. Ianya turut selari dengan gagasan kerajaan Malaysia dalam memartabatkan bahasa kebangsaan melalui dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Bahasa Inggeris (MBMMBI) dan pengauditan penggunaan Bahasa Melayu di Jabatan Kerajaan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menjelang akhir tahun 2012. Seterusnya, ketekalan penggunaan kaedah perakaunan yang digunakan juga boleh dijadikan satu isu kajian pada masa hadapan melalui kajian merentas masa.

Seterusnya, dicadangkan agar pihak berwajib seperti Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Sekuriti atau *Securities Commission* (SC) dan badan profesional perakaunan seperti Institut Akauntan Malaysia atau *Malaysian Institute of Accountants* (MIA) dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) mengeluarkan satu garis panduan umum atau piawaian perakaunan yang boleh diterima pakai oleh syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia berhubung dengan praktis penggunaan istilah-istilah atau terma-terma perakaunan dalam Bahasa Melayu di dalam laporan tahunan sama ada secara bercetak atau dimuat turun menerusi laman web syarikat. Ini bertujuan agar wujud satu keseragaman dalam melaporkan segala maklumat berkaitan syarikat di dalam laporan tahunan secara bercetak atau menerusi laman web syarikat dapat dipraktikkan oleh syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa kajian ini memberikan bukti empirikal awal bahawa penggunaan piawaian pelaporan kewangan pada peringkat pertama diperkenalkan, dilaksanakan secara menyeluruh dari segi amalan pembentangan penyata kewangan dalam kalangan syarikat berhad di Malaysia. Namun begitu, peringkat ini masih terlalu awal untuk melihat perkembangan sebenar penerimaan MFRS 101 bagi syarikat berhad di Malaysia sebagai peralihan sepenuhnya IFRS menjelang tahun 2012. Akhir sekali, diharap kajian ini dan kajian berterusan dalam amalan perakaunan dapat memberi sumbangan dan input

yang berguna kepada pihak yang terbabit dan berkepentingan dalam bidang perakaunan untuk menambah baik amalan perakaunan di Malaysia khususnya dalam memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu dalam laporan tahunan.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Puan Norhayati bte Haji Salleh di atas pengeditan artikel ini. Geran penyelidikan diperoleh daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) dan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia vot no. Q.130000.2629.02J80 di bawah Geran Universiti Penyelidikan (GUP) amat dihargai.

Rujukan

- [1] Abdul Rahman, A., Mohd Nasir, M. H., & Ismail, S. A. 2006. Keseragaman Penggunaan Istilah-Istilah perakaunan di dalam Laporan Tahunan Korporat di Malaysia. *International Journal of Management Studies*. 13(2): 151–174.
- [2] Adelberg, A. H., & Farrelly, G. E. 1989. Measuring the Meaning of Financial Statement Terminology: A Psycholinguistics Approach. *Journal of Accounting and Finance*. 127(6): 33–40.
- [3] Aisbett, S., & Nobes, C. 2001. The True and Fair View Requirement in Recent National Implementation. *Accounting and Business Research*, 31(2): 83–90.
- [4] Alexander, D. 1993. A European true and fair view. *European Accounting Review*. 2(1): 59–80.
- [5] Ali, A., Chen, T., & Radhakrishnan, S. 2007. Corporate Disclosures by Family Firms. *Journal of Accounting and Economics*. 44(12): 238–286.
- [6] Ali Khan, M. N. A., Salleh, N., & Mohd Zaini, S. 2011. Penggunaan Bahasa Melayu dalam Laporan Tahunan Medium Perpaduan Nasional di Malaysia. Paper Presented at *Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional 2011*, Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur, December 14–15, 2011.
- [7] Archer, S., & McLeay, S. 1991. Issues in Transnational Financial Reporting: A Linguistic Analysis. *Journal of Multi-Lingual and Multicultural Development*. 12(5), 61–347.
- [8] Ashbaugh, H., & Pincus, M. 2001. Domestic Accounting Standards, International Accounting Standards, and the Predictability of Earnings. *Journal of Accounting Research*. 39(3): 34–417.
- [9] Asmah Omar. 1993. *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [10] Awang Sariyan. 1995. *Ceritera Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [11] Awang Sariyan. 2000. *Warna dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [12] Baldwin, A. A., Dull, R. B., & Graham, A. W. 2003. Web-based Financial Statements: Hyperlink to Footnotes and their Effect on Decision. *International Journal of Accounting Information System*. 4(2): 185–203.
- [13] Ball, R., Robin, A., & Wu, J. 2003. Incentives Versus Standards: Properties of Accounting Income in Four East Asian Countries. *Journal of Accounting and Economics*. 36(1): 70–235.
- [14] Barker, R. G. 1998. The market for Information: Evidence from Finance Directors, Analysts and Fund Managers. *Accounting and Business Research*. 29(1): 3–20.
- [15] Barth, M. E. 2008. Global Financial Reporting: Implications for US Academics. *The Accounting Review*. 83(15): 1159–1179.
- [16] Barth, M., Landsman, W., & Lang, M. 2007. International Accounting Standards and Accounting Quality. *Journal of Accounting Research*. 46(3): 98–467.
- [17] Bartov, E., Goldberg, S. R., & Kim, M. 2005. Comparative Value Relevance Among German, US, and International Accounting Standards: A German Stock Market Perspective. *Journal of Accounting, Auditing and Finance*. 20(2): 95–119.
- [18] Beattie, V., Brown, S., Ewers, D., John, B., Manson, S., Thomas, D., & Turner, M. 1994. Extraordinary Item and Income Smoothing: A Positive Accounting Approach. *Journal of Business Finance and Accounting*. 21(6): 811–848.

- [19] Belkaoui, A. R., & Picur, R. D. 1991. Cultural Determinism and the Perception of Accounting Concepts. *The International Journal of Accounting*. 26(2): 30–118.
- [20] Benston, G. J. 1982. Accounting and Corporate Accountability, Organizations and Society. *The International Journal of Accounting*. 7(2): 87–105.
- [21] Beretta, S., & Bozzolan, S. 2004. A Framework for the Analysis of Firm Risk Communication. *The International Journal of Accounting*. 1(6): 811–991.
- [22] Booth, P. & Schulz, A. K. 1995. The Effects of Presentation Format on The Effectiveness and Efficiency of Auditor's Analytical Review Judgements. *Journal of Accounting and Finance*. 12(3): 107–137.
- [23] Botoson, C. 2004. Discussion of a Framework for the Analysis of Risk Communication. *The International Journal of Accounting*. 39: 289–295.
- [24] Bradshaw, M., Bushee, B., & Miller, G. 2004. Accounting Choice, Home Bias, and US Investment In Non-US Firms. *Journal of Accounting Research*. 42(5): 795–841.
- [25] Brennan, N., Guillamon-Saorin, E., & Pierce, A. 2009. Impression Management: Developing and Illustrating a Scheme of Analysis for Narrative Disclosures: A Methodological Note. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*. 22(5): 789–832.
- [26] Brown, C. 1995. *Translation and Law: American Translators Association Scholarly Monograph Series*. Riding the Waves of Fortune: Translating Legislation of the Successor Soviet Republics, in Morris. 6th ed. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- [27] Bursa Malaysia. 2010. Main market listing. Retrieved August 17, 2011, from <http://www.bursamalaysia.com/website/bm/regulation/rules/listing/>
- [28] Carter, R., & Van Auken, H. 2006. Small Firm Bankruptcy. *Journal of Small Business Management*. 44(4): 493–512.
- [29] Chan, K. C., & Seow, G. S. 1996. The association Between Stock Return and Foreign GAAP Earnings Versus Earnings Adjusted to US GAAP. *Journal of Accounting Research*. 96(2): 83–116.
- [30] Chen, L. H., & Sami, H. 2008. Trading Volume Reaction to the Earnings Reconciliation from IAS to US GAAP. *Contemporary Accounting Research*. 25(1): 15–53.
- [31] Courtis, John K. 1995. Readability of Annual Reports: Western versus Asian Evidence. *Accounting, Auditing and Accountability Journal*. 8(2): 4–17.
- [32] Courtis, John K. 1998. Annual Report Readability Variability: Test of the Obfuscation Hypothesis. *Accounting, Auditing and Accountability Journal*. 11(4): 34–57.
- [33] Covrig, V. M., DeFond, M. L., & Hung, M. 2007. Home Bias, Foreign Mutual Fund Holdings, and the Voluntary Adoption of International Accounting Standards. *Journal of Accounting Research*. 45(1): 41–70.
- [34] Craven, B. M., & Marston, C. L. 1997. Investor Relations and Corporate Governance in Large UK Companies. *Corporate Governance*. 5(3): 51–137.
- [35] Cuijpers, R., & Buijink, W. 2005. Voluntary Adoption of Non-Local GAAP in the European Union: A Study of Determinants and Consequences. *European Accounting Review*. 14(3): 487–524.
- [36] Daske, H., Hail, L., Leuz, C., & Verdi, R. 2008. Mandatory IFRS Reporting Around the World: Early Evidence on the Economic Consequences. *Journal of Accounting Research*. 46:1085–1142.
- [37] Davidson, R. A., & Chrisman, H. H. 1993. Interlinguistic comparison of international accounting standards: The case of uncertainty expressions. *International Journal of Accounting*, 28(1), 1-16.
- [38] Epstein, Barry J., & Eva, K. J. 2008. Global Financial Reporting. The growing Prominence of IFRS: Implication for Transactional Attorneys. *Business Law International*. 9(1): 16–27.
- [39] Evans, L. 2004. Language, Translation and the Problem of International Accounting Communication. *Accounting, Auditing and Accountability Journal*. 17(2): 210–248.
- [40] Feltham, G., Indjejikian, R., & Nanda, D. 2006. Dynamic Incentives and Dual-Purpose Accounting. *Journal of Accounting and Economics*. 42: 37–417.
- [41] Fulkerson, C. L., & Meek, G. K. 1998. Analysts' Earnings Forecast and the Value Relevance of 20F Reconciliations from Non-US GAAP. *Journal of International Financial Management and Accounting*. 9(1): 1–15.
- [42] Geoff, M. 2004. Principle and Practices. *Journal of Accounting and Economics*. Retrieved Okt 9, 2010 from <http://www.oup.com.uk>
- [43] Gerard, S. 2011. Let's Talk: Adapting Accountants' Communications to Small Business Managers Objectives and Preferences. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*. 24(6): 781–809.
- [44] Globerman, S., Peng, M. W., & Shapiro, D. M. 2011. Corporate governance and Asian companies. *Asia Pasific Journal of Management*, 28(2): 1–14.
- [45] Golafshani, N. 2003. Understanding Reliability and Validity in Qualitative Research. *The Qualitative Report*. 8(4): 597–607.
- [46] Hashim, F. & Jaffar, R. 2006. *Memperteguh Keyakinan Terhadap Kemampuan Bahasa Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Pelita Bahasa.
- [47] Hassan, M. S., & Mohd Salleh, N. 2010. The Value Relevance of Financial Instruments Disclosure in Malaysia Firms Listed in the Main Board of Bursa Malaysia. *International Journal of Economics and Management*. 4(2): 243–270.
- [48] Healy, M., & Perry, C. 2000. Comprehensive Criteria to Judge Validity and Reliability of Qualitative Research within the Realism Paradigm. *Qualitative Market Research*. 3(3):118–126.
- [49] Hein, N., Beuren, I. M., & Klann, R. C. 2008. Impact of the IFRS and US-GAAP on Economic-financial Indicators. *Journal Managerial Auditing*. 23(7): 632–649.
- [50] Hirst, D., & Hopkins, P. 1998. Comprehensive Income Reporting and Analysts' Valuation Judgement. *Journal of Accounting Research*. 36: 47–75.
- [51] Hjarvard, S. 2003. The Globalization of Language: How the Media Contribute to the Spread to English and the Emergency of Medialects. *Media, Globalization and Identity*. 23: 14–78.
- [52] Holthausen, R., & Watts, R. 2001. The Relevance of the Value-Relevance Literature for Financial Accounting Standard Setting. *Journal of Accounting and Economics*. 31(1–3): 3–75.
- [53] Hooi, L. W., Tee, K. W., & Lim, Y. K. 2003. *Fokus Ungu Masteri: SPM Prinsip Perakaunan*. Kuala Lumpur: Pelangi.
- [54] Hopkins, P. E. 1996. The Effect Of Financial Statement Classification of Hybrid Financial Instrumentation on Financial Analysts' Stock Price Judgments. *Journal of Accounting Research*. 34: 33–50.
- [55] IASC. 1999. *IASC Publisher Study of Business Reporting on the Internet*. Press Release: International Accounting Standards Committee, 15 November 1999.
- [56] Iselin, E. R. 1989. The Effects of Format on the Extraction of Information From Accounting Statement. *Journal of Accounting and Finance*. 32: 73–79.
- [57] Jeanjean, T., & Stolowy, H. 2008. Do Accounting Standards Matter: An Exploratory Analysis of Earnings Management Before and After IFRS Adoption. *Journal of Accounting and Public Policy*. 27(6): 480–494.
- [58] Jones, M. J. 1996. Readability of annual Reports: Western Versus Asian Evidence. Comment to Contextualize. *Accounting, Auditing and Accountability Journal*. 9(2): 4–17.
- [59] Kosmala, M. K. 2003. The True and Fair View Construct in the Context of the Polish Transition Economy: Some Local Insights. *European Accounting Review*. 12(3): 87–465.
- [60] Lander, G. L. & Auger, A. K. 2008. The Need for Transparency in Financial Reporting Implications of Off-Balance-Sheet Financing and Inferences for the Future. *Journal of Accounting & Organizational Change*. 4(1): 27–46.
- [61] Laswad, F., Ghani, E. K., & Tooley, S. 2008. Do Digital Reporting Formats Assist Professional Users in Overcoming Functional Fixation in Recognition vs. Disclosure. *BAA 2008 Conference*. 15–19 April. Blackpool, 331–348.
- [62] Lau Chee Kwong. 2008. *Financial Reporting of Intangible Assets: The Reability of Measurement Methods*. Doctor Philosophy, Universiti Putra Malaysia,
- [63] Maines, L. A., & McDaniel, L. S. 2000. Effects of Comprehensive Income Characteristics on Nonprofessional Investor's Judgments: The Role of Financial Statement Presentation Format. *The Accounting Review*. 75(2): 179–207.
- [64] Melis, A., & Carta, S. 2010. Does Accounting Regulation Enhance Corporate Governance: Evidence from the Disclosure of Share-Based Remuneration. *Journal of Management and Governance*. 14: 435–446.
- [65] Mills, P. A. 1989. Words and the Study of Accounting History. *Accounting, Auditing, and Accountability Journal*. 2(1): 34–78.
- [66] Mohd Iskandar, T., & Basnan, N. 2002. *Perakaunan Kewangan Prinsip dan Amalan di Malaysia*. 2nd ed. Kuala Lumpur: Cerdik Publication.
- [67] Mohd Nasir, N., & Abdullah, S. N. 2004. Information Provided by Accrual and Cash Flow Measures In Determining Firms' Performance: Malaysian Evidence. *Journal of Applied Sciences*. 1(2): 64–70.
- [68] Morais, A. 2010. Actuarial Gains and Losses: The Determinants of the Accounting Method. *Pasific Accounting Review*. 22(1): 42–56.
- [69] Neumann, F. L. 2000. Auditor Reporting Decisions. *Journal of Accounting & Economics*. 12(1): 78–114.
- [70] Okada, H. 2008. The Assets and Liability View and the Income Concepts In Japan. *Malaysian Accounting Review*. 7(1): 87–115.
- [71] Parker, R. H. 1994. Finding English Words to Talk about Accounting Concepts. *Accounting, Auditing and Accountability Journal*. 7(2): 70–85.
- [72] Peng, S., & Bewley, K. 2010. Adaptability to Fair Value Accounting in an Emerging Economy: A Case Study of China's IFRS Convergence. *Accounting, Auditing & Accountability Journal*. 28(8): 982–1011.
- [73] Porter, G. A., & Norton, C. L. 2010. Financial Accounting: The impact on decision makers. *South Western Cergage Learning*. 7: 62–64.

- [74] Power, M. 2003. Auditing and the Production of Legitimacy. *Accounting, Organizations and Society*. 28: 379–394.
- [75] Richardson, S. A., Tuna, A. I., & Wu, M. 2002. Predicting Earnings Management. *The Case of Earnings Restatements*. Retrieved August 3, 2011, from <http://ssrn.com/>
- [76] Sekaran, U. 2003. *Research Methods For Business A Skill Building Approach*. 4th ed. USA: John Wiley & Sons, Inc.
- [77] Scott, W. R. 1997. *Financial Accounting Theory*. London: Pearson Prentice-Hall
- [78] Scott, W. R. 2006. *Financial Accounting Theory*. Toronto: Pearson Prentice-Hall.
- [79] Smith, J., & Smith, N. 1971. Readability: A Measure of the Performance of The Communication Function of Financial Reporting. *Accounting Review*. 13: 352–361.
- [80] Sun, M. 2007. An Exploratory Study of the Understandability of Listed Companies' Annual Reports. *Frontiers of Business Research in China*, 1(1): 39–49.
- [81] Tan, L. L., Jane, L., & Othman, R. 2007. *Adoption of Financial Reporting Standards (FRSs): Impact on Malaysia Companies*. Research Project Report, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- [82] Taylor, D. W. 2009. Costs-Benefits of Adoption of Ifrss in Countries with Different Harmonization Histories. *Asian Review of Accounting*, 17(1): 40–58.
- [83] Thompson, J. C. 2008. When Accounting Finally Becomes Global. *The CPA Accounting Journal*. 78(9): 11–12.
- [84] Thouin, M. F., Hoffman, J. J., & Ford, E. W. 2009. IT outsourcing and Firm-level Performance: A Transaction Cost Perspective. *Information & Management*. 46: 463–469.
- [85] Trabelsi, S., Labelle, R., & Laurin, C. 2004. CAP Forum on E-Business: The Management of Financial Disclosure on Corporate Websites: A Conceptual Model. *Canada Accounting Perspectives*. 3(2): 235–259.
- [86] Van, K. H. 1993. Truth and Untruth About True and Fair: A Commentary on European True and Fair View. *The European Accounting Review*. 2(1): 99–104.
- [87] Weber, R. P. 1990. *Basic Content Analysis*. (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage.
- [88] Yen, A., Hirst, D. E., & Hopkins, P. 2007. A Content Analysis of the Comprehensive Income Exposure Draft Comment Letters. *Research in Accounting Regulation*. 19: 53–79.
- [89] Young, J. 2003. Constructing, Persuading and Silencing: The Rhetoric of Accounting Standards. *Accounting, Organizations and Society*. 28: 621–638.